



MAJLIS PEPERIKSAAN MALAYSIA
Malaysian Examinations Council



LAPORAN PEPERIKSAAN

STPM

Bahasa Cina (911)

2024

PRESTASI KESELURUHAN

Pada Semester 1, sebanyak 310 calon menduduki peperiksaan bagi mata pelajaran ini dan 91.29% daripadanya telah mendapat lulus penuh.

Peratusan calon mengikut gred adalah seperti yang berikut:

Gred	A	A-	B+	B	B-	C+	C	C-	D+	D	F
Peratusan	13.87	3.55	5.81	8.06	22.58	13.23	16.60	3.65	0.97	2.90	8.78

RESPONS CALON

Komen am

Mutu jawapan yang diberi oleh calon tahun ini adalah sederhana. Majoriti calon didapati kurang mahir dalam menjawab soalan nombor dua dan nombor empat, iaitu Bahagian A (Kefahaman Teks Bahasa Cina Moden), soalan 5 iaitu Bahagian B (Ulasan Petikan Bahasa Moden), soalan esei 7(a), 7(b) dan 7(c) dalam Bahagian C, manakala calon mahir dalam menjawab soalan esei teks pilihan dalam Bahagian D iaitu soalan 9(a), 9(b), dan 9(c). Didapati, penguasaan calon dalam pengetahuan kesusasteraan Cina klasik (I) dari Zaman Pra-Qin hingga Dinasti Tang adalah kurang memuaskan. Hal ini menyebabkan mereka tidak dapat menjawab soalan esei Bahagian C dengan baik.

Calon diminta menambah baik kemahiran untuk memberi komen dan menilai terutama dalam menjawab soalan kefahaman, ulasan petikan bahasa Cina moden dan soalan esei kesusasteraan Cina klasik (I). Soalan berbentuk taksonomi aras tinggi menghendaki calon menghurai, menganalisis, membuat perbandingan, menilai, dan memberi cadangan. Maklumat ini tidak dapat dipetik secara terus dari petikan yang dibaca, tetapi ia melibatkan pemikiran calon untuk menyelesaikan masalah, dan mencari kaedah untuk mengatasi masalah. Sebagai contoh, soalan nombor dua meminta calon memberi pendapat tentang peribahasa bahasa Cina iaitu "air ialah ubat". Kebanyakan calon tidak dapat memberi pendapat mereka tentang hubungan "air ialah ubat" dengan penggunaan air dan permintaan air oleh kaum Cina di kawasan tropika pada zaman dahulu. Calon tidak dapat menghuraikan dengan baik tentang kegunaan air yang boleh mengawal suhu badan, memberi kesegaran dan mengembalikan semangat kepada mereka yang letih, serta mengurangkan kepanasan badan apabila air jernih menyiram kepala ketika mandi. Soalan berbentuk kognitif dan afektif aras tinggi memang memerlukan kebolehan sumbang saran calon berdasarkan penilaian terhadap keadaan manusia yang tinggal di tempat yang berbeza. Teknik menjawab berdasarkan pengalaman hidup calon hendaklah ditambah baik.

Teknik menjawab soalan ulasan petikan bahasa Cina moden juga hendaklah ditambah baik lagi. Soalan berpetikan ialah calon dikehendaki memahami maklumat utama dan penting dalam petikan atau teks. Calon dinasihati supaya tidak menyalin semula ayat. Pindaan ayat seperti menyunting perbendaharaan kata yang tidak membawa makna perlu berdasarkan tatabahasa Cina yang betul. Petikan maklumat yang penting dari setiap perenggan perlu ikut susunan perenggan dalam petikan,

kerana ia melibatkan komen yang logik dan perbincangan yang berturutan. Calon dinasihati supaya tidak memetik maklumat dari perenggan sesuka hati. Setiap maklumat utama yang dipetik calon, hendaklah mengguna kosa kata yang sesuai untuk mengubah suai ayat-ayat tersebut semula, sama ada mengurangkan bilangan perkataan dengan membuang perkataan yang tidak membawa maklumat utama kepada ayat asal. Komen dan cadangan calon terhadap ayat yang dipetik atau diubah suai adalah penting untuk calon menjawab soalan ini dengan sempurna.

Bagi memantapkan pengetahuan calon terhadap sejarah perkembangan kesusasteraan Cina dari zaman Pra-Qin hingga dinasti Tang, calon boleh membaca dan mengulang kaji bahan rujukan yang disenaraikan dalam sukatan pelajaran Bahasa Cina STPM. Perhatian harus diberi kepada beberapa aspek seperti peringkat yang penting dalam perkembangan kesusasteraan Cina klasik dari zaman Pra-Qin hingga dinasti Tang, sasterawan tersohor pada setiap dinasti dan ciri-ciri keistimewaan karya sasteranya, ini termasuk isi kandungan dan pemikiran, penggunaan bahasa, cara penulisan dan retorik, ciri kesenian dan nilai estetika, pengaruh karya sastera kepada penulis, dan karya sastera seterusnya, kedudukan karya sastera dalam perkembangan kesusasteraan Cina dan sebagainya.

Pada soalan 7 dan soalan 9, calon diminta menguasai teknik menghurai, menganalisis, membuat rumusan, memberi komen, membuat perbandingan, menilai dan memberi cadangan supaya mereka boleh menjawab soalan dengan baik. Kebiasaannya calon membuat persediaan yang mantap untuk menjawab soalan pilihan teks, tetapi mereka tidak semestinya boleh mendapat markah yang tinggi dalam menjawab soalan 9, kerana teknik menjawab soalan ini melibatkan tahap taksonomi aras tinggi, dan juga penghayatan karya sastera dengan teknik penganalisan yang mantap. Calon digalakkan membuat latihan tambahan bagi soalan esei yang melibat taksonomi aras tinggi dan penghayatan karya sastera dengan kaedah penganalisan yang sesuai.

Calon harus menguasai cara yang betul untuk menulis aksara Cina dan menggunakan perbendaharaan kata yang sesuai dan relevan untuk mengulas pandangan. Ayat-ayat yang dibina hendaklah berdasarkan tatabahasa bahasa Cina yang betul dan tepat. Kesilapan menulis aksara Cina dan penggunaan bahasa yang kurang standard serta kesalahan tatabahasa tidak patut berlaku pada calon STPM. Bagi sasterawan yang tersohor dan karya sasteranya, calon hendaklah menghafal nama dan tajuk karyanya, manakala calon didapati tersilap menulis nama dan tajuk karya sasteranya. Kesalahan ini perlu dielakkan kerana markah kosong akan diberikan kepada calon yang tersalah tulis nama sasterawan dan tajuk karya sasteranya.

Komen soalan demi soalan

BAHAGIAN A

Soalan 1

Soalan ini menghendaki calon membanding perbezaan antara “mandi-Chongliang” (冲凉) dan “mandi-Xizao” (洗澡). Jawapan bagi soalan ini termasuk perbandingan masa, peralatan, kesan dan keseronokan dalam kedua-dua cara mandi ini. Markah penuh bagi soalan ini ialah enam markah. Prestasi calon dalam menjawab soalan ini adalah baik.

Soalan 2

Soalan ini menghendaki calon memberi pandangan tentang peribahasa bahasa Cina “air ialah ubat”. Kaum Cina yang hidup di kawasan tropika pada zaman dahulu berpendapat “air ialah ubat”, kerana kegunaan air boleh mengawal suhu badan, memberi kesegaran dan semangat semula kepada orang yang

keletihan, serta mengurangkan kepanasan dalam badan seperti air jernih menyiram kepala seseorang, kesejukan air jernih boleh terus sampai ke hati seseorang dan menghapus kepanasan badan. Markah bagi soalan ini ialah empat markah. Prestasi calon dalam menjawab soalan ini adalah memuaskan.

Soalan 3

Soalan ini meminta calon membandingkan kemudahan bilik mandi dan cara mandi di kampung dan bandar. Jawapan bagi soalan ini termasuk perbandingan kemudahan bilik mandi dan cara mandi orang kampung dan penduduk bandar. Markah penuh bagi soalan ini ialah lima markah. Prestasi calon dalam menjawab soalan ini adalah baik

Soalan 4

Soalan ini menghendaki calon menghuraikan perasaan penulis apabila mengalami keseronokan sewaktu mandi. Jawapan bagi soalan ini ialah mandi boleh menyejukkan badan, terutama dalam cuaca panas. Penulis menggunakan cara retorik personifikasi (拟人化) dan suara muzik untuk menyifatkan cara dan keseronokan mandi. Markah penuh bagi soalan ini ialah lima markah. Prestasi calon dalam menjawab soalan ini adalah kurang memuaskan.

Soalan 5

Petikan ini berkaitan dengan cabaran yang dihadapi oleh kerajaan dan rakyat untuk merevolusikan pendidikan negara. Soalan ini menghendaki calon memetik isi penting dalam setiap perenggan mengikut susunan dan membuat ulasan dan komen. Markah penuh bagi soalan ini ialah 20 markah. Prestasi calon dalam menjawab soalan ini adalah kurang memuaskan. Terdapat sebilangan kecil calon menyalin ayat-ayat petikan tanpa mengubah struktur ayat dan bilangan perkataan dalam ayat yang dipetik. Petikan ini agak terus terang tetapi calon masih salah memetik isi utama dalam setiap perenggan. Calon kurang mahir teknik menjawab soalan ini. Hal ini adalah kerana beberapa sebab yang disenaraikan di bawah:

- (i) Calon tidak menguasai teknik menjawab untuk memetik, mengulas dan memberi komen terhadap isi kandungan yang dipetik.
- (ii) Calon menyalin semula petikan ayat tanpa membuat pindaan.
- (iii) Calon memetik ayat perenggan yang bukan ayat yang membawa maklumat yang terpenting dalam perenggan tersebut. Pemahaman calon terhadap maklumat utama yang disampaikan oleh penulis adalah penting. Kebolehan untuk mengenal pasti maklumat utama dalam setiap perenggan akan membantu calon memberi komen terhadap maklumat penting secara tepat dan relevan.
- (iv) Calon memberi pandangan dan komen terhadap maklumat yang tidak berkaitan dengan tema utama dalam setiap perenggan.
- (v) Calon mengguna kosa kata yang tidak tepat dan relevan untuk mengulas pandangan dan membuat komen.

Soalan 6

Soalan 6(a) menghendaki calon menjawab sifat watak dan perwatakan dalam berita bahasa Cina klasik. Jawapan yang betul ialah hero (英雄). Soalan 6(b) menghendaki calon memberi nama penulis bagi *Confuciansm* (《论语》). Jawapan yang betul ialah pengikut Kongzi (孔子的门徒). Soalan 6(c) menghendaki calon menulis jumlah aksara yang terkandung dalam setiap ayat puisi 19 buah Puisi

Tradisi (〈古诗十九首〉). Jawapan yang betul ialah puisi 19 buah puisi tradisi ini mengandungi lima aksara (五言) dalam setiap baris ayat. Soalan 6(d) menghendaki calon menulis ciri-ciri keistimewaan karya sastra yang dihasilkan pada dinasti Weijin Nanbei. Karya sastra pada zaman ini mengandungi nilai sastra dan status sosial yang tinggi, bebas daripada kawalan pemikiran Konfusianisme. Jawapan yang betul ialah kesedaran (觉醒). Soalan 6(e) menghendaki calon menjawab sasterawan yang tersohor membangkang karya berirama Piantiwen (骈体文) yang dihasilkan oleh penulis dalam zaman Liuchao (六朝). Jawapan yang betul ialah Han Yu (韩愈) dan Liu Zongyuan (柳宗元). Soalan 6(f) menghendaki calon menjawab sasterawan yang diberi gelaran penyair realisme, beliau juga merupakan pemimpin dalam Gerakan Syair Baharu (新乐府). Jawapan yang betul ialah Bai Juyi (白居易). Secara keseluruhan, pencapaian calon dalam menjawab soalan 6 adalah kurang memuaskan.

Soalan 7

Soalan 7(a) menghendaki calon menjawab ciri-ciri kesusasteraan puisi Shijing (诗经). Calon diminta menghurai soalan esei ini berdasarkan ciri-ciri keistimewaan cara penulisan, gaya retorik dan nilai estetika puisi Shijing. Jawapan bagi soalan ini termasuk: (i) Semangat realisme, mendedahkan kehidupan, pemikiran dan perasaan rakyat. Isi kandungan puisi Shijing berkaitan dengan aktiviti dan pekerjaan yang dilakukan oleh rakyat biasa dan lagu cinta mereka, kehidupan rakyat yang dieksplotasi, kezaliman pemerintahan, curiga dan membantah hak ilahi, Bukit Timur (〈东山〉), Tikus Yang Besar (〈硕鼠〉) dan Burung Kuning (〈黄鸟〉) adalah contoh puisi yang kaya dengan gabungan pemikiran dan kesenian. Semangat realisme ini memberi kesan dan pengaruh yang nyata kepada penyair-penyair seterusnya. (ii) Bentuk dan gaya puisi Shijing. Bentuk, corak irama dan bahasa penulisan puisi juga memberi pengaruh dan kesan yang besar kepada penyair-penyair seterusnya. Bentuk Shijing ialah empat aksara dalam satu rangkap puisi, manakala masih terdapat ayat puisi mengandungi jumlah aksara yang berlainan, contohnya dua hingga lapan aksara dalam satu ayat, tidak terhad kepada bentuk empat aksara dalam satu ayat. Ayat puisi Shijing kaya dengan perubahan, bersifat semulajadi, bebas dari kekangan, semua ini merupakan ciri-ciri lagu rakyat. (iii) Corak berirama puisi Shijing. Corak berirama puisi Shijing harmoni dan indah, dan bersifat semulajadi. (iv) Bahasa penulisan puisi Shijing. Bahasa puisi Shijing ringkas, murni dan cantik. Penyair mengguna perbendaharaan Shuangsheng dieyun (双声叠韵), Diezi (叠字), Dieju (叠句) dan pelbagai cara untuk menulis puisi Shijing. (v) Perasaan dan emosi yang terkandung dalam puisi Shijing berliku-liku dan kaya dengan imejan.

Pencapaian calon dalam menjawab soalan esei ini adalah kurang memuaskan.

Soalan 7(b) menghendaki calon menjawab pemikiran konteks dan kesenian bahasa prosa bersejarah Shiji (《史记》). Calon diminta menghurai isi kandungan dan pemikiran konteks serta corak bahasa untuk menulis prosa bersejarah Shiji (《史记》) yang dihasilkan oleh Sima Qian (司马迁). Jawapan bagi soalan ini termasuk: (i) Kaya dari segi pemikiran, isi kandungan, dan ciri-ciri kerakyatan. Berdasarkan hal-hal bersejarah, penulis telah mendedahkan konflik masyarakat, konflik antara kelas pemerintah dan petani, serta pelbagai percanggahan yang muncul dalam pemerintahan. (ii) Mendedahkan kekejaman yang dilakukan oleh pemerintah autokratik dan pegawai rasuah dalam mengeksploitasi rakyat. Penulis menyindir dan mengkritik tingkah laku mereka dalam penulisannya; (iii) Mendedahkan undang-undang yang kejam untuk menyeksa rakyat; (iv) Mendedahkan golongan pemerintah hidup dengan mewah; (v) Rakyat mengalami kesusahan dan penderitaan, bersimpati dengan rakyat dalam keadaan kesulitan; (vi) Memberi pujian kepada pemberontak dan hero yang membangkang pemerintah yang zalim dan kejam; (vii) Pemikiran Shiji (《史记》) adalah membangkang pemerintah yang zalim, pemerintahan yang kejam, pengeksploitasi, pegawai zalim, mengambil berat terhadap penderitaan rakyat; (viii) Memberi pujian kepada penyumbang dalam pendidikan, kebudayaan dan membawa

kemakmuran kepada masyarakat. Dari aspek kesenian bahasa: (i) Shi Ji mempunyai nilai yang tinggi dalam kesenian bahasa; (ii) Cara persembahan yang istimewa, terutama dalam mengisih isi kandungan sosial yang berkaitan dengan ciri-ciri kerakyatan; (iii) Mengguna teknik kesenian dan corak bahasa yang baik mencerminkan kehidupan rakyat dalam kesulitan; (iv) Gaya dengan perbendaharaan kata; (v) Bahasa yang ringkas, halus dan mengguna bahasa yang mudah difahami, mengguna bahasa pertuturan rakyat, peribahasa dan perbendaharaan lagu dan lirik; (vi) Rumusan peringkat yang tinggi; dan imej yang terang; (vii) Penulisan dengan format yang standard. Pencapaian calon dalam menjawab soalan ini adalah kurang memuaskan. Soalan 7(c) Menghendaki calon menjawab faktor-faktor mengakibatkan kemakmuran puisi di Dinasti Tang. Calon diminta menghurai faktor-faktor kemakmuran dari segi sosial, politik, ekonomi, revolusi bentuk dan stail puisi serta gaya penulisan puisi di Dinasti Tang. Jawapan bagi soalan ini termasuk: (i) Status kesusasteraan telah ditingkatkan dalam Dinasti Weijin Nanbei (魏晋南北朝), (ii) Sosial dan masyarakat aman dan damai pada permulaan dan pertengahan Dinasti Tang, (iii) Penulisan puisi menjadi aktiviti yang popular di kalangan pegawai kerajaan dan para sarjana. Aktiviti sosial, majlis makanan dan perlancongan antara golongan atasan kerap berlaku. Ini telah menggalak penyair menulis puisi untuk sahabat yang bersama menyertai aktiviti-aktiviti tersebut, seterusnya memperkukuhkan asas budaya yang baik dan memajukan penulisan puisi di Dinasti Tang. (iv) Asas yang kukuh telah dibentuk oleh kesusasteraan tradisi, minat untuk menghasilkan puisi telah berkembang di golongan atasan, bentuk dan gaya penulisan puisi yang diamalkan pada Dinasti-dinasti Nansong (南宋), Qi (齐), Liang (梁) dan Chen (陈) telah menjadi mantap dan sempurna di Dinasti Tang. (v) Keadaan ekonomi di tempoh masa permulaan dan pertengahan Dinasti Tang adalah stabil. Kestabilan ekonomi telah memberi syarat material dan keamanan kepada penyair menghasilkan puisi. Secara keseluruhan, prestasi calon dalam menjawab soalan esei adalah kurang memuaskan.

Soalan 8

Soalan 8(a) menghendaki calon menulis perwatakan dalam Sungai Luruh (《秋水》). Jawapan yang betul ialah Tuhan Laut (海神). Soalan 8(b) menghendaki calon menulis cara retorik yang digunakan oleh Liu Zongyuan (柳宗元) untuk menyifatkan pungutan cukai adalah kaedah yang lebih zalim daripada penangkapan ular bisa dalam prosa bertajuk Penangkap Ular (《捕蛇者说》). Jawapan yang betul ialah cara retorik bandingan (对比). Soalan 8(c) menghendaki calon menulis satu rangkap puisi selepas rangkap puisi ini “悲歌可以当泣 bermaksud lagu yang sedih boleh dianggap sebagai tangisan. Jawapan yang betul ialah 远望可以当归, bererti memandangi jauh boleh dianggap sebagai pulang ke kampung. Soalan 8(d) menghendaki calon menulis keadaan Chang'e (嫦娥) hidup bersendirian di bulan. Puisi ini ditulis oleh Li Shangyin (李商隐). Jawapan yang betul ialah kesunyian (孤寂). Soalan 8(e) menghendaki calon menulis makna kosa kata dalam ayat kosa kata dalam ayat puisi “草枯鹰眼疾, 雪尽马蹄轻”. Jawapan yang betul ialah penglihatan helang menjadi tajam apabila rumput telah layu, ladang kuda menjadi ringan apabila salji telah bercair. Dua rangkap puisi ini diguna untuk menyifatkan kebolehan jeneral tentera mempunyai penglihatan tajam seperti burung helang, dan kepantasan dalam menunggang kuda. Secara keseluruhan, prestasi calon dalam menjawab soalan nombor 8 adalah memuaskan.

Soalan 9

Soalan 9(a) menghendaki calon menghurai sikap Guo Jie (郭解) yang positif dan negatif. Guo Jie ialah seorang pahlawan yang terkenal dalam prosa bersejarah bertajuk Shi Ji (《史记》). Jawapan bagi soalan ini termasuk: (i) Sikap positif: Semangat Guo Jie membantu orang dalam kesusahan tanpa mengira balasan daripada mereka, mementingkan keadilan tanpa menghiraukan pihak tersebut mempunyai

perhubungan bersaudara dengan beliau, tidak mementingkan kemewahan dan kebanggaan selepas memberi bantuan kepada orang lain, sudi berkorban untuk sahabat dan sebagainya. Selain daripada sikap positif ini, calon juga diminta menghurai sikap negatif. (ii) Sikap negatif: Keberanian Guo Jie kadang-kala disalahgunakan, sebagai contoh, beliau pernah membuat wang tiruan, membunuh orang untuk menyelamatkan nyawa sendiri, sikap keganasan beliau masih tidak dapat dihapuskan sepenuhnya walaupun beliau berazam hendak membetulkannya. Calon diminta memberi komen dan penilaian terhadap sikap, tingkah laku, perangai Guo Jie berdasarkan aspek positif dan negatif. Pencapaian calon dalam menjawab soalan ini adalah memuaskan.

Soalan 9(b) menghendaki calon menghurai pemikiran dan perasaan penyair Cen Shen (岑参) yang menulis puisi yang berjudul Perjumpaan Dengan Pegawai Kerajaan Dalam Perjalanan Menuju ke Chang'an (逢入京使), kampung penyair berada di Chang'an (长安). Jawapan bagi soalan ini termasuk: (i) Perasaan penyair memandang ke arah timur, yang mana arah timur ini ialah tempat kedudukan kampungnya, iaitu Chang'an. Penyair berada dalam suasana yang sedih kerana kejauhan dari kampungnya. Seolah-olahnya penyair sangat merindui kampung dan ahli keluarga dalam perjalanan ke tempat peperangan di arah barat negara China. Kerinduan terhadap kampung dan ahli keluarganya telah mengakibatkan penyair mengalir air mata sehingga melakukan penyamaran muka. Dalam perjalanan ke kawasan sempadan negara China, penyair telah berjumpa seorang pegawai kerajaan yang sedang balik ke Chang'an, pegawai kerajaan ini merupakan sahabat lama penyair. Mereka bertegur sapa di tepi jalan. Dari perbualan ini, penyair dimaklum oleh pegawai tersebut bahawa beliau telah diarah oleh pihak kerajaan untuk balik ke Chang'an berkhidmat semula di kerajaan tempatan kampung penyair. Dengan itu, penyair berharap pegawai ini boleh menghantar sepucuk surat kepada ahli keluarganya di Chang'an, supaya mereka mengetahui penyair ini dalam keadaan selamat, dan ahli keluarga beliau tidak risau keadaan beliau dalam perjalanan menuju ke kawasan barat negara China. (ii) Pemikiran puisi ini juga mendedahkan cita-cita penyair ingin memberi sumbangan yang besar kepada negara, melindungi negara dari ancaman musuh. Prestasi calon dalam menjawab soalan ini adalah memuaskan. Soalan 9(c) menghendaki calon menghurai cara penyampaian puisi musim luruh berjudul Lagu Wu dalam Tengah Malam (《子夜吴歌》). Jawapan bagi soalan ini termasuk: (i) Puisi ini adalah berbentuk Padan Sempadan (边塞诗), isi kandungan puisi ini berkaitan dengan keadaan dan suasana Chang'an (长安) di waktu malam pada musim luruh. (ii) Puisi ini mempunyai 30 aksara, enam rangkap dan lima aksara dalam setiap rangkap puisi. (iii) Puisi ini mengguna cara retorik "Xing" (兴), bermula dengan bulan muncul di langit waktu malam di Chang'an, dalam suasana ini, kedengaran angin bertiup dan bunyi baju ditumbuk dari setiap isi rumah di tempat ini. Imej daripada angin musim luruh bertiup dan bunyi baju ditumbuk oleh isteri askar mencerminkan perasaan kerinduan isteri askar terhadap suami mereka yang telah meninggalkan keluarga. Angin yang bertiup di musim luruh ini tidak akan berhenti, seperti kerinduan isteri terhadap suaminya yang berada di Yuguan (玉关). Tempat ini berada di perjalanan ke sempadan kawasan barat di negara China, keadaan di kawasan ini adalah bahaya. (iii) Isteri askar berharap pihak kerajaan menghapuskan musuh Xiongnu (匈奴) dengan secepat mungkin, kerana dengan kemusnahan musuh ini, suami mereka boleh kembali ke kampung dan bersama dengan ahli keluarganya. Musuh ini terdiri daripada sukuan nomad tinggal di daerah sempadan persekutuan barat negara China. Peperangan di antara askar-askar kerajaan negara China dengan sukuan nomad pada Dinasti Tang telah mengakibatkan tragedi perpisahan antara suami dengan isteri, serta ahli keluarga, dan pengorbanan nyawa askar atau kehancuran keluarga akibat dari peperangan ini. Secara keseluruhan, pencapaian calon dalam menjawab ketiga-tiga soalan esei ini adalah memuaskan. Calon menguasai pengetahuan, teknik menjawab dan cara penghuraian yang mantap, ayat dan contoh yang relevan untuk memberi pandangan dan ulasan terhadap objek dan keadaan yang dinilai.

PRESTASI KESELURUHAN

Pada Semester 2, sebanyak 275 calon menduduki peperiksaan bagi mata pelajaran ini dan 94.17% daripadanya telah mendapat lulus penuh.

Peratusan calon mengikut gred adalah seperti yang berikut:

Gred	A	A–	B+	B	B–	C+	C	C–	D+	D	F
Peratusan	21.09	7.27	5.09	9.09	13.09	16.00	7.64	5.45	5.45	4.00	5.82

RESPONS CALON

Komen am

Calon perlu memantapkan pengetahuan bahasa Cina moden dan bahasa Cina klasik untuk menjawab soalan Kajian Bahasa dan Linguistik di Bahagian A, dan soalan Kefahaman Teks Bahasa Cina Klasik di Bahagian B. Pengetahuan semantik, leksikal, fonetik dan tatabahasa adalah penting dalam membantu calon menjawab soalan Bahagian A. Calon juga diminta memantapkan pengetahuan leksikal bahasa Cina klasik melalui pembacaan teks bahasa Cina klasik dan menambah kekerapan merujuk makna leksikal melalui kamus dan bahan rujukan di atas talian.

Calon perlu menguasai teknik alih bahasa dan teknik menjawab soalan alih bahasa dari bentuk puisi ke prosa naratif bahasa Cina moden. Calon juga diminta mengalih bahasa berpandu dengan kosa kata yang sesuai dan relevan dengan tema dan isi kandungan puisi. Makna asal puisi yang dipinda ke prosa masih dikekalkan, calon hanya dibenarkan mengembangkan isi kandungan puisi dengan penambahan kosa kata di ayat puisi supaya ayat tersebut boleh dijadikan ayat prosa baharu. Calon perlu menambah kata sifat di depan kata nama, letak kata adverbial dan kata pelengkap di depan dan belakang kata kerja transitif, menambah kata adverb di depan kata sifat dan sebagainya. Calon diminta meminda setiap ayat puisi kepada ayat prosa dengan penambahan komponen bahasa yang baharu ke dalam ayat prosa. Ayat asal puisi tanpa pindaan akan memperolehi markah kosong. Pemarkahan dan penilaian alih bahasa dibahagi kepada markah pindaan ayat dan markah mengembang isi kandungan asal puisi ke bentuk prosa bahasa moden. Pengekalan kepada isi kandungan puisi yang asal juga sangat penting dalam pemberian markah. Calon juga diingatkan bahawa alih bahasa puisi ke prosa bukan bermakna pindaan keseluruhan isi kandungan puisi untuk mencipta sebuah prosa yang mengandungi isi kandungan yang baharu.

Cadangan untuk menambah baik teknik alih bahasa adalah seperti berikut:

- (i) Guru bahasa Cina haruslah maklum calon markah alih bahasa akan dibahagikan kepada markah alih ayat puisi asal tanpa terkeluar daripada makna ayat asal puisi, dan markah untuk mengembangkan isi kandungan ayat puisi.

- (ii) Calon haruslah dinasihat supaya tidak mengalihkan ayat puisi ini dengan mencipta sebuah prosa yang mengandungi isi kandungan yang baharu dan lari dari tema puisi yang asal.
- (iii) Penggunaan kosa kata dan tatabahasa bahasa Cina yang tepat dan sesuai dengan kontek prosa adalah penting dalam alih bahasa.
- (iv) Calon dinasihat tidak mengguna nama penulis atau penyair sebagai subjek ayat dalam prosa, kerana ini bukan soalan huraian tentang puisi ini.

Calon perlu memantapkan pengetahuan terhadap sejarah dan perkembangan kesusasteraan Cina klasik dari Dinasti Song hingga Dinasti Qing. Pengetahuan ini adalah penting bagi calon menjawab soalan struktur dan esei di Bahagian C. Pengetahuan yang perlu diperolehi oleh calon adalah tokoh sasterawan yang tersohor dari Dinasti Song hingga Dinasti Qing, ciri-ciri keistimewaan karya sastera terkenal pada setiap dinasti dari aspek isi kandungan, pemikiran dan perasaan penulis, cara penulisan, gaya retorik dan nilai estetika.

Calon perlu menambah baik teknik menjawab soalan teks pilihan dengan memberi contoh dan ungkapan yang penting dalam menghurai isi kandungan, pemikiran, perasaan, emosi dan kesenian sesuatu karya sastera terpilih. Penghafalan teks terpilih dengan betul dan tepat juga akan diberi markah.

Calon juga dinasihati jangan melakukan kesalahan apabila menulis aksara bahasa Cina kerana kesalahan perkara tersebut akan menjejaskan pemahaman penilai terhadap jawapan yang ditulis.

Komen soalan demi soalan

Soalan 1

Soalan 1 menghendaki calon mengenal pasti struktur tatabahasa kata majmuk subjek-predikat. Jawapan yang betul ialah B, 日食——主谓式合成词. Pencapaian calon dalam menjawab soalan ini adalah sederhana.

Soalan 2

Soalan 2 menghendaki calon mengenal pasti aksara yang mempunyai komponen radikal yang sama tetapi berbeza dalam sebutan. Jawapan yang betul ialah A, 讷 (ne). Pencapaian calon dalam menjawab soalan ini adalah kurang memuaskan.

Soalan 3

Soalan 3 menghendaki calon mengenal pasti struktur tatabahasa frasa ini “狡猾的狐狸”. Jawapan yang betul ialah A, 偏正. Pencapaian calon dalam menjawab soalan ini adalah sederhana.

Soalan 4

Soalan 4 menghendaki calon mengenal pasti struktur tatabahasa ayat majmuk ini “知识是累积起来的, 经验也是累积起来的”. Jawapan yang betul ialah “并列复句”. Pencapaian calon dalam menjawab soalan ini adalah sederhana.

Soalan 5

Soalan 5 menghendaki calon mengenal pasti struktur tatabahasa ayat majmuk ini “志华优柔寡断, 以致错失良机”. Jawapan yang betul ialah “因果复句”. Pencapaian calon dalam menjawab soalan ini adalah baik.

Soalan 6

Soalan 6 menghendaki calon mengenal pasti struktur tatabahasa ayat majmuk ini “她曾经是一个柔弱的女孩，可是岁月的锋刀使她变得坚强起来”。Jawapan yang betul ialah “转折复句”. Pencapaian calon dalam menjawab soalan ini adalah sederhana.

Soalan 7

Soalan 7 menghendaki calon mengenal pasti komponen tatabahasa yang digariskan dalam ayat majmuk ini “他终于熬过了这个苦闷的夜晚。”. Jawapan yang betul ialah “定语”. Pencapaian calon adalah memuaskan.

Soalan 8

Soalan 8 menghendaki calon mengenal pasti komponen tatabahasa yang digariskan dalam ayat majmuk ini “他在黑板上圆圆地画了一个圈。”. Jawapan yang betul ialah “状语”. Pencapaian calon dalam menjawab soalan ini adalah memuaskan.

Soalan 9

Soalan 9 menghendaki calon mengenal pasti cara retorik bagi ayat majmuk ini “海睡熟了。大小岛屿拥抱着，依偎着，也静静地恍惚入了梦乡。星星在头上眨着慵懒的眼帘，也像要睡了。”. Jawapan yang betul ialah “比拟/拟人”. Pencapaian calon dalam menjawab soalan ini adalah cemerlang.

Soalan 10

Soalan 10 menghendaki calon mengenal pasti cara retorik bagi ayat majmuk ini “晓丽站立在教室门口，觉得自己的一双脚有千斤重。她不知道如何向老师解释自己和同学吵架的原因。”. Jawapan yang betul ialah “夸张”. Pencapaian calon dalam menjawab soalan ini adalah baik.

Soalan 11

Soalan 11 menghendaki calon mengalih sebuah puisi bahasa Cina moden yang berjudul “Perahu yang bebas” (〈不系之舟〉) kepada prosa. Puisi ini dicipta oleh Lin Ling (林冷). Markah penuh bagi soalan ini ialah 15 markah. Pencapaian calon dalam menjawab soalan ini adalah sederhana. Kebanyakan calon dapat:

- (i) Menguasai teknik alih bahasa untuk mengalih bentuk puisi ke prosa, mereka boleh mengembangkan ayat puisi kepada ayat prosa.
- (ii) Memahami tema utama dan isi tersurat dan tersirat dalam puisi ini.
- (iii) Terdapat sebilangan kecil calon menyalin beberapa ayat puisi tanpa mengembangkan isi kandungan yang asal.
- (iv) Terdapat sebilangan kecil calon tidak menggunakan kosa kata yang tepat untuk mengalihkan ayat puisi kepada prosa.

Soalan 12

Soalan 12 menghendaki calon mengulas kenapa penulis ini meminta orang menerangkan benda berwarna hijau seperti air batu, kayu dan emas. Jawapan bagi soalan ini termasuk pembelajaran seumur hidup, berubah sikap, menambah pengetahuan, memahami kebenaran, menyedari kesalahan yang tidak patut berlaku serta memantap kekuatan sendiri. Pencapaian calon dalam menjawab soalan ini adalah kurang memuaskan.

Soalan 13

Soalan 13 menghendaki calon menghurai tindak balas Raju Chu (楚王) terhadap sumbangan ikan yang diberikan oleh rakyat Chu dan ajaran yang diterima oleh baginda dari sumbangan ini. Jawapan bagi soalan ini termasuk pandangan pegawai Raju Chu terhadap rakyat Chu yang menyumbang ikan, cara pentadbiran yang bijaksana yang harus dilakukan oleh Raju Chu, cara pemerintahan yang boleh meruntuhkan negara. Tindakan kebijaksanaan rakyat Chu untuk menyedarkan kelemahan Raja Chu supaya baginda boleh melaksanakan tindakan menderma makanan yang lebih kepada rakyat yang menghadapi kelaparan, dan lelaki bujang dibenarkan berkahwin dengan pelayan wanita yang dibebaskan dari istana. Pencapaian calon dalam menjawab soalan ini adalah memuaskan.

Soalan 14

Soalan 14 menghendaki calon menterjemah ayat bahasa Cina klasik dalam teks kefahaman ini kepada bahasa Cina moden:

- (a) 楚人有献鱼楚王者，曰：“今日鱼获，食之不尽，卖之不售，弃之又惜，故来献也。”
dua markah akan diberi kepada jawapan yang diterjemah dengan betul, iaitu: (i) 渔获：捕获的鱼 (0.5 markah); (ii) 食之不尽：吃不完 (0.5 markah); (iii) 卖之不售：卖不出 (0.5 markah); (iv) 弃之又惜：丢掉又可惜 (0.5 markah).
- (b) 于是乃遣使恤鰥寡而存孤独，出仓粟；发帑帛而赈不足；罢去后宫不御者，出以妻鰥夫。
tiga markah akan diberi kepada jawapan yang diterjemah dengan betul: (i) 遣使：派遣使者 (0.5 markah); (ii) 恤：抚恤 (0.5 markah); (iii) 存：使存活 (0.5 markah); (iv) 赈不足：救济不够食物的人民 (0.5 markah); (v) 罢：罢免、释放 (0.5 markah); (vi) 妻：嫁给 (0.5 markah).
Pencapaian calon dalam menjawab soalan ini adalah sederhana.

Soalan 15

Soalan 15(a) menghendaki calon menulis nama sasterawan yang menjadi pemimpin bagi Revolusi Kesusasteraan Dinasti Song. Beliau juga merupakan sasterawan tersohor yang mencipta prosa, puisi dan Ci. Jawapan yang betul ialah *Ouyang Xiu* (欧阳修). Soalan 15(b) menghendaki calon menulis jenis karya sastra yang paling penting dalam novel yang dicipta oleh rakyat di Dinasti Song. Jawapan yang betul ialah novel vernakular (白话小说). Soalan 15(c) menghendaki calon menulis dua kategori drama yang dihasilkan di Dinasti Yuan. Kategori pertama ialah skrip drama muzik (杂剧) yang berasal dari utara negara China, kategori kedua ialah skrip drama yang berasal dari selatan China (南戏). Jawapan yang betul ialah skrip drama muzik (杂剧). Soalan 15(d) menghendaki calon menulis pandangan utama Aliran Gonganpai (公安派) di Dinasti Ming. Ahli-ahli Aliran Gonganpai berpendapat kesusasteraan adalah berkembang, menentang cara peniruan, bersetuju penulisan karya sastra bertujuan meluahkan perasaan hati, dan bentuk karya sastra tidak tersekat dengan format penulisan tradisi. Jawapan yang betul ialah meluahkan perasaan hati (性灵). Soalan 15(e) menghendaki calon menulis bentuk penulisan

novel Kisah Cerita Tiga Kerajaan (《三国演义》). Jawapan yang betul ialah sejarah (历史). Soalan 15(f) menghendaki calon menulis nama keluarga feudalisme yang mengalami keruntuhan dikisahkan dalam novel berjudul Dream of Mansions (《红楼梦》). Jawapan yang betul ialah keluarga Jia (贾). Secara keseluruhan, pencapaian calon dalam menjawab soalan 15 adalah memuaskan.

Soalan 16

Soalan 16(a) menghendaki calon menghurai faktor-faktor yang mengakibatkan kemakmuran karya berirama Ci di Dinasti Song (宋词). Jawapan bagi soalan ini termasuk: (i) Kehendak dan permintaan persekitaran masyarakat terhadap penghasilan karya berirama Ci (词). Golongan pemerintah dan bangsawan di Dinasti Song berminat dengan penulisan karya Ci, minat mereka terhadap karya Ci telah memberi galakan kepada penulis untuk mencipta lebih banyak karya. Karya Ci menjadi popular, dan merupakan satu bentuk dan genre karya yang baharu di Dinasti Song; (ii) Perkembangan bentuk karya berirama Ci. Karya Ci mempunyai ciri-ciri keistimewaan muzik, berirama dan suara kehidupan. Bentuk karya yang baharu ini membolehkan penulis menulis isi kandungan berkenaan zaman tersebut dengan idea-idea yang baharu; dan (iii) Tema karya Ci yang luas. Tema-tema karya meliputi pujian terhadap pemandangan semulajadi, perasaan dan emosi yang sedih, padang sawah dan lain-lain lagi, juga termasuk karya “Haofang” (豪放词) yang dicipta oleh Su Dongpo (苏东坡) dan karya “Wanyueci” (婉约词) yang dihasilkan oleh Li Qingzhao (李清照). Kedua-dua genre ini telah memperkayakan isi kandungan karya Ci, memenuhi kehendak pembaca yang mempunyai nilai estetika yang berlainan; (iv) Kemakmuran sosial dan ekonomi. Kemakmuran perdagangan dan pekerjaan di Bianjing (汴京) pada Dinasti Song Utara (北宋) dan Hangzhou (杭州) di Dinasti Song Selatan mengakibatkan kemajuan dalam ekonomi di sekitar kawasan bandar, menyebabkan suasana masyarakat dan budaya yang lebih meriah. Penduduk-penduduk yang tinggal di bandar yang maju boleh hidup dengan lebih senang, permintaan terhadap hiburan budaya telah meningkat, keadaan ini telah membangkitkan penciptaan karya Ci. (v) Karya Ci yang dihasilkan pada Dinasti Song merupakan sejenis karya yang bergabung dengan muzik, ia dihasil untuk dinyanyi bersama lirik, ayat-ayat karya Ci tidak tersekat dengan kepanjangan ayatnya, keistimewaannya ialah ia dijadikan lagu dan menjadi popular di kalangan rakyat; (vi) Bahasa yang mudah difahami. Bahasa yang digunakan untuk menghasilkan karya Ci adalah mudah difahami, dan mempunyai ciri-ciri kesenian, boleh meluahkan perasaan dan emosi, senang diterima oleh golongan rakyat daripada pelbagai latarbelakang, dan mudah disebarkan. Pencapaian calon dalam menjawab soalan ini adalah kurang memuaskan.

Soalan 16(b) menghendaki calon menghurai watak dan perwatakan novel *Shuihuzhuan* (《水浒传》). Jawapan bagi soalan esei ini termasuk (i) Cara penulisan watak novel ini. Penulis *Shuihuzhuan* ialah Shi Nai'an (施耐庵). Beliau memuji dan mengisahkan pemberontakan petani dalam novelnya. Novel ini merupakan sebuah novel realisme yang tersohor. Novel ini dihasil berdasarkan cerita rakyat, kemudian dengan imaginasi dan daya inovasi penulis ini. Penulis ini telah mereka pelbagai watak dan perwatakan dalam novel ini. Cai Jing (蔡京), Tong Guan (童贯), Gao Qiu (高俅) mewakili watak yang lucah, kurang ajar dan tidak tahu malu, mereka merupakan pegawai yang makan rasuah; Zhang Dujian (张都监), Zhang Tuanlian (张团练) merupakan pegawai yang kejam dalam menyeksa rakyat biasa; Zhang San (张三), Li Si (李四), Niu Er (牛二) merupakan golongan yang memeras ugut; Feitian Yecha (飞天夜叉), Sheng Tiefu (生铁佛), Feitian Wugong (飞天蜈蚣) merupakan kelompok paderi Tao dan sami yang memikat dan merogol kaum wanita; perompak di Bukit Taohuashan (桃花山) adalah golongan tempatan yang kaya dengan merompak wang kaum wanita; Jiang Menshen (蒋门神) adalah watak penjahat membuli dan merampas aset dan harta rakyat, semua watak ini telah direka oleh penulis untuk memperkayakan perwatakan novel ini ; (ii) imej perwatakan yang dihasilkan oleh penulis mengandungi pemikiran yang mendalam dan implikasi sejarah. Watak hero yang direka

oleh penulis, adalah imej yang mengalami kesulitan dalam pelbagai zaman di masyarakat China, imej ini juga mencerminkan penderitaan yang dialami oleh rakyat. Imej ini juga mewakili bantahan daripada orang ramai terhadap kerajaan feudalisme, pegawai yang kejam, golongan kaya-raya yang menindas rakyat, penjahat, perompak, pihak berkuasa yang membuli rakyat. Hero yang berani seperti Lin Chong (林冲), Wu Song (武松), Lu Zhi Shen (鲁智深), Li Kui (李逵) bangkit untuk menghapuskan pihak berkuasa yang membuli rakyat; Chao Gai (晁盖) dan Wu Yong (吴用) menghukum pegawai yang makan rasuah. Imej hero ini telah memberi harapan kepada rakyat yang hidup dalam kegelapan dan penderitaan; dan (iii) Sikap watak dan perwatakan novel ini. Watak dan perwatakan utama yang ditulis oleh penulis novel ini adalah pahlawan dan hero yang dilahirkan dalam keluarga yang susah dan miskin. Watak dan perwatakan yang dibina dengan perbendaharaan kata dan frasa yang menarik, kaya dengan corak bahasa. Imej perwatakan dalam novel ini berasal daripada status sosial dan kategori yang berlainan. Melalui pengalaman dan perubahan sejarah yang dialami oleh perwatakan ini, mendedahkan kegelapan dan kezaliman golongan pemerintahan feudalisme dan kehidupan penderitaan rakyat, serta pemikiran, perasaan sikap pemberontakan hero. Lu Zhishen (鲁智深), Li Kui (李逵), Wu Song (武松) adalah watak yang bersikap murni dan baik hati, mereka berperanan menghapuskan pemerintah yang kejam, melindungi orang yang lemah. Mereka bercita-cita tinggi dan mempunyai pemikiran yang kuat. Sikap perwatakan ini mementingkan kemanusiaan, berjenaka dan kadang-kala melulu. Pencapaian calon dalam menjawab soalan esei ini adalah kurang memuaskan.

Soalan 16(c) menghendaki calon menghurai pandangan Liu Dajie (刘大杰) terhadap cara retorik sindiran dalam novel berjudul *Rulin Waishi* (《儒林外史》). Jawapan bagi soalan ini termasuk: (i) Latarbelakang sosial semasa novel ini diciptakan. Penulis novel ini bernama Wu Zijing (吴梓敬), beliau menulis novel ini bertujuan membangkang sistem peperiksaan awam, dan adat dan peraturan yang membunuh rakyat di masyarakat feudalisme. Dalam kesusasteraan tradisi yang mengutamakan pemikiran Konfucianisme, mementingkan sikap lembut dan murni, cara retorik sindiran menghadapi halangan diaplikasi dalam penulisan novel. Manakala novel ini tidak tersekat oleh halangan ini, penulis berani mengguna cara ketawa, memarahi dan mengutuk nilai moral yang dilaksanakan dalam zaman tradisi, sistem sosial yang tidak adil dan orang yang mementingkan kemasyhuran dan kekayaan, mengutuk orang yang bersikap munafik dan tidak tahu malu. Penulis novel ini ialah tokoh sasterawan yang pertama mengaplikasi retorik sindiran dalam menulis novel. (ii) Perkaitan antara semangat realisme dan cara retorik sindiran dalam novel ini. Penulis novel ini mementingkan semangat realisme dalam penghasilan karya sastera, beliau membantah bentuk esei dinamakan sebagai Baguwen (八股文), beliau juga membangkang pemikiran yang dilaksanakan oleh masyarakat feudalisme. Penulis novel ini mengguna pelbagai imej yang tipikal menyindir dan mengutuk perkara yang munafik dan tidak bermoral. Melalui pembentukan watak dan perwatakan seperti Zhou Jin (周进), Wang Juren (王举人) dan Niu Buyi (牛布衣), penulis novel ini dapat menyampaikan ajaran pendidikan kepada orang ramai; dan (iii) Ciri-ciri keistimewaan watak dan perwatakan dalam novel. Antara watak dan perwatakan positif yang direka oleh penulis novel ini, sebagai contoh, Wang Mian (王冕), Shen Qiongzhi (沈琼枝), Ni Laodie (倪老爹) mewakili perwatakan yang berdikari, tidak takut kepada pemerintah berkuasa, dan bercita-cita tinggi. Pencapaian calon dalam menjawab soalan ini adalah kurang memuaskan. Secara keseluruhan, pencapaian calon dalam menjawab soalan 16 adalah kurang memuaskan.

Soalan 17

Soalan 17(a) menghendaki calon menjawab cara penulisan bagi prosa *Chibi Fu* (《赤壁赋》) di mana penulis berperahu dengan tetamu beliau pada waktu malam bulan mengembang. Jawapan yang betul bagi soalan ini ialah cara tanya dan jawab antara tuan dan tetamu (主客的对话). Soalan 17(b) menghendaki calon menulis cara retorik bagi ayat puisi oleh Yang Wanli yang berjudul "*Chunqing*

huai guyuan haitang” (〈春晴怀故园海棠〉) iaitu “万物皆春人独老”. Jawapan yang betul ialah cara retorik bandingan (对比) atau kontra (反衬). Soalan 17(c) menghendaki calon mengisi rangkap ayat yang dikosongkan dalam karya berirama Liu Yong (柳永) berjudul *Basheng Ganzhou* (〈八声甘州〉): “对潇潇暮雨洒江天, _____, 渐霜风凄紧, 关河冷落, 残照当楼.”. Jawapan yang betul ialah “一番洗清秋”. Soalan 17(d) menghendaki calon memberi makna bagi perbendaharaan kata yang digariskan dalam karya berirama Zhang Kejiu (张可久): “翠袖殷勤, 金杯错落, 玉手琵琶”. (〈折桂令·九日〉). Jawapan yang betul bagi soalan ini ialah “翠袖” bermaksud penyanyi wanita (歌女) di restoran arak. Soalan 17(e) menghendaki calon menulis makna tersirat dalam ayat fiksiyen “Orang Tua yang Menangkap Harimau” (〈老翁捕虎〉) yang ditulis oleh Ji Yun (纪昀). Orang tua berkata beliau melatih tangan dan matanya selama sepuluh tahun “老翁自言炼臂十年, 炼目十年”. Ayat ini bermaksud kemahiran diperolehi dari kekerapan membuat latihan, kejayaan diperolehi melalui keazaman yang kuat (坚持不懈/持之以恒的决心和意志/功到自然成). Secara keseluruhan, pencapaian calon dalam menjawab soalan ini Adalah kurang memuaskan. Soalan 18 ada tiga soalan esei iaitu 18(a), 18(b) dan 18(c). Markah penuh bagi setiap soalan esei ialah 15 markah.

Soalan 18

Soalan 18(a) menghendaki calon menghurai pandangan Fang Xiaoru (方孝孺) tentang Yu Rang (豫让) bahawa beliau berpendapat Yu Rang tidak bersyarat diberi gelaran sebagai Hero Negara. Jawapan bagi soalan ini termasuk: (i) Perangai dan sikap Yu Rang tidak memenuhi syarat diberi gelaran sebagai hero negara mengikut syarat yang ditetapkan oleh pemikiran Konfucianisme; (ii) Syarat sebagai hero negara adalah seperti tingkah laku ditunjukkan oleh Duan Gui (段规), Ren Zhang (任章) dan Xi Ci (郗疵), mereka taat setia kepada tuan mereka sehingga boleh mengadai nyawa sendiri untuk menyelamatkan tuan dari melaku kesalahan, dan membantu tuannya mengatasi segala masalah; (iii) Perbandingan tingkah laku, sikap dan tindakan Yu Rang dengan Duan Gui, Ren Zhang dan Xi Ci dalam melindungi tuannya dari segala ancaman, didapati kelakuan Yu Rang tidak dapat dibanding dengan tiga orang ini, tidak seberani seperti mereka, dan tidak jujur kepada tuannya seperti mereka. Tambahan lagi, Yu Rang tidak menunjuk sikap sudi mengorbankan nyawa sendiri untuk menyelamatkan nyawa tuannya. Pencapaian calon dalam menjawab soalan ini adalah baik. Soalan 18(b) menghendaki calon menghurai cara kesenian yang digunakan oleh Ouyang Xiu (欧阳修) dalam menulis karya berirama yang berjudul “*Tasuoxing-Houguan Meican*” (〈踏莎行·候馆梅残〉). Jawapan bagi soalan ini termasuk: (i) Kesedihan penulis dalam perjalanan; (ii) Kesedihan isteri yang menunggu kepulangan suaminya di kampung; (iii) Pemandangan musim bunga berbanding dengan kesunyian yang dialami oleh penulis dalam perjalanan; (iv) Pemandangan semulajadi dalam perjalanan yang boleh membangkitkan imaginasi penulis tentang kesedihannya; (v) Cara penulisan imaginasi yang digunakan untuk menyifat kesedihan penulis yang merindu isteri dan kampungnya. (vi) Cara kesenian yang digunakan oleh penulis mencipta karya Ci ini adalah: (1) Mengguna kegembiraan untuk menulis kerisauan, meluahkan perasaan melalui pemandangan semulajadi (以乐写愁, 托物兴怀). Pemandangan semulajadi ini termasuk: plum blossom yang layu (残梅), willow yang halus (细柳), rumput *token* (薰草), tumbuh-tumbuhan ini merupakan pemandangan semulajadi yang boleh dijumpai dalam musim bunga, disepanjang perjalanan penulis. Penulis karya ini mengguna pemandangan semulajadi menyifat kerinduan beliau terhadap isteri dan kampungnya. (2) Daya imaginasi diguna dalam menulis pemandangan yang maya tetapi perasaan yang benar dialami oleh penulis (寓虚, 富于联想). Melalui penulisan terhadap plum blossom, willow dan rumput *token*, Penulis telah mempersembahkan pemandangan yang cantik dalam musim bunga, dan kerinduan beliau terhadap isteri dan kampungnya. (3) Cekap dalam membina perumpamaan (巧于设喻). Penulis mengguna air sungai yang mengalir di musim bunga “春水”, pemandangan semulajadi dalam keadaan

yang sebenar untuk mengumpamakan perasaan kerinduan beliau terhadap isteri dan kampungnya, perasaan ini merupakan emosi yang maya, tidak realiti seperti air sungai dalam musim bunga. (4) Meluahkan kerinduan melalui perasaan secara mendalam (逐层深化, 委曲尽情). Pencapaian calon dalam menjawab soalan ini adalah baik. 18(c) menghendaki calon menghurai pemikiran dan perasaan karya berirama Zhang Yanghao (张养浩) yang berjudul “*Shanpoyang-Tongguan huaigu*” (《山坡羊·潼关怀古》). Jawapan bagi soalan ini termasuk: (i) Penulis melalui Tongguan (潼关) menuju ke Shan'xi (陕西), dalam perjalanan ke Tongguan, pemandangan semulajadi seperti Gunung Huashan (华山) dan Sungai Huanghe (黄河) telah mengakibatkan beliau mengenangkan peristiwa-peristiwa bersejarah yang telah berlaku di pelbagai zaman; (ii) Penulis menggunakan pemandangan semulajadi Tongguan untuk meluahkan perasaan beliau tentang peperangan yang telah berlaku di Tongguan. Tongguan merupakan tapak strategi untuk menyerang musuh dalam peperangan. Musuh susah mengadakan serangan balik di tapak bahaya ini kerana tempat ini dilindungi oleh Gunung Huashan dan Sungai Huanghe, kedua-dua tapak semulajadi ini mengakibatkan askar-askar dari zaman ke zaman berminat merebut tapak ini ; (iii) Tapak bersejarah, istana yang canggih, bandar ibukota diraja yang telah dibina oleh rakyat dari pelbagai zaman telah dimusnahkan dalam peperangan dan perubahan raja. (iii) Walaupun zaman telah berubah, raja baharu telah memerintah zaman yang baharu, manakala penderitaan yang dialami oleh rakyat tidak pernah berubah. Tidak kira zaman tersebut adalah zaman kemakmuran, atau zaman kemerosotan, kesulitan rakyat masih dikekalkan, pengorbanan nyawa dan harta benda rakyat masih diteruskan. Nasib rakyat tetap seksa. (iv) Mendedah kezaliman pemerintahan. Rakyat dieksploitasi oleh pemerintah yang kejam, untuk melakukan segala kerja-kerja berat yang mendatangkan kekayaan dan kemewahan kepada golongan pemerintah dan pentadbir yang mengamalkan rasuah. (v) Bersimpati dengan penderitaan yang dialami oleh rakyat, berharap kesusahan rakyat dapat diselesaikan dengan segera. Pencapaian calon dalam menjawab soalan ini adalah baik. Secara keseluruhan, pencapaian calon dalam menjawab soalan nombor 18 adalah baik.

PRESTASI KESELURUHAN

Pada Semester 3, sebanyak 270 calon menduduki peperiksaan bagi mata pelajaran ini dan 91.85% daripadanya telah mendapat lulus penuh.

Peratusan calon mengikut gred adalah seperti yang berikut:

Gred	A	A–	B+	B	B–	C+	C	C–	D+	D	F
Peratusan	36.67	2.96	8.15	2.96	14.44	11.85	9.64	3.34	0.00	1.85	8.15

RESPONS CALON

Komen am

Secara amnya, mutu jawapan calon memuaskan, kecuali Bahagian B (Soalan 5 dan 6 yang berkaitan dengan Sejarah Kesusasteraan Cina Moden, jumlah markah ialah 15), kebanyakan calon tidak dapat memberi jawapan yang tepat dan lengkap. Dalam bahagian A, iaitu penulisan karangan, prestasi adalah memuaskan, dan pada keseluruhannya, pelajar dapat menguasai gaya bahasa yang lancar dalam penyampaian isi pendapat. Dalam bahagian C, iaitu soalan 7 dan 8 yang berkaitan dengan teks-teks pilihan sastra moden, prestasi pelajar juga adalah memuaskan.

Komen soalan demi soalan

BAHAGIAN A

Tugasan soalan: Panjang esei yang dihasilkan perlu mencapai 1000 aksara. Penilaian markah bagi keempat-empat karangan di atas adalah berdasarkan tiga aspek, iaitu: (i) isi kandungan karangan; (ii) penggunaan bahasa dan gaya penulisan karangan, dan (iii) struktur karangan.

Kebanyakan calon telah memilih soalan 1 dan 2, iaitu seramai 80 pelajar masing-masing, manakala seramai 77 calon menjawab soalan 3, dan paling kurang pelajar menjawab soalan 4. Topik soalan 1 adalah berkenaan dengan perubahan iklim, dan soalan 2 adalah berkaitan dengan sastra Cina, manakala soalan 3 adalah berkenaan dengan penulisan prosa. Soalan 4 yang berkaitan dengan peribahasa yang berbunyi “Perjalanan seribu batu bermula dengan langkah pertama” tidak popular, kemungkinan disebabkan ramai pelajar kurang kemahiran untuk membincangkan topik falsafah hidup.

Secara amnya, menulis karangan merupakan bahagian yang diperuntukkan dengan markah yang tertinggi dalam Kertas Tiga Bahasa Cina STPM. Calon yang memperolehi gred A dalam bahagian ini mempunyai kompetensi bahasa yang tinggi, ayatnya lancar, gaya bahasa cantik dan menunjukkan kematangan. Isi-isi yang disampaikan juga sesuai dan tepat. Istilah-istilah yang digunakan juga tepat dan jelas. Retorik yang diaplikasikan juga sesuai dengan isu-isu yang dibentangkan.

Soalan 1

Tajuk esei ini adalah **“Dalam beberapa tahun kebelakangan ini, perubahan iklim telah membawa kesan yang luar biasa di seluruh dunia, termasuk kenaikan paras laut, banjir, kemarau dan gelombang haba yang meningkatkan risiko bencana secara mendadak. Sila kemukakan cara-cara untuk mengurangkan fenomena ini”**. Soalan ini telah menjadi salah satu pilihan ramai calon dan ini menunjukkan kepekaan mereka terhadap isu sosial ini. Pada keseluruhannya, kebanyakan calon dapat menghuraikan isi mengikut kehendak soalan, namun hujah dan alasan yang dikemukakan terlalu umum dan kurang mendalam, contohnya mereka hanya menyenaraikan tanggungjawab pihak-pihak berkaitan (kerajaan, sekolah, ibu bapa, individu dan sebagainya). Huraian calon juga kebanyakannya kurang disokong dengan contoh semasa atau contoh sebenar bagi mengukuhkan hujah calon.

Kandungan karangan harus menumpukan kepada penerangan tentang fenomena perubahan iklim yang sejak kebelakangan ini memberi kesan berskala besar di seluruh dunia serta meningkatkan banyak risiko bencana (seperti suhu global yang semakin meningkat, iklim yang menjadi semakin ekstrem, pencairan lapisan ais Artik, kenaikan paras laut, banjir, kemarau dan sebagainya). Selain itu, perlu dikemukakan juga cadangan tentang cara untuk mengurangkan fenomena ini, antaranya: mengurangkan pelepasan gas karbon, menghadkan penggunaan bahan api fosil, mengekang kegiatan pembalakan hutan, beralih kepada tenaga boleh diperbaharui seperti tenaga suria dan tenaga angin, melaksanakan penyesuaian dasar-dasar dalam bidang pertanian dan kitar semula sisa, mewujudkan mekanisme galakan, serta menggalakkan penggunaan pengangkutan awam atau berjalan kaki dan lain-lain.

Soalan 2

Tajuk esei ini adalah **“Sastera Cina di negara kita sentiasa berhadapan dengan masalah kekurangan pembaca dan jumlah jualan yang rendah. Sila kemukakan cara-cara untuk mengubah fenomena ini.”** Pada keseluruhannya, ia juga adalah salah satu pilihan ramai calon, dan prestasi calon-calon bagi soalan ini adalah sederhana, dan calon perlu prihatin terhadap isu-isu sastera Cina di Malaysia. Sebahagian calon kurang memahami makna sebenar “Sastera Cina”, menyebabkan hujah yang dikemukakan kelihatan tidak tepat atau tidak dapat menjelaskan pendirian dengan meyakinkan. Sebagai contoh, ada calon yang mencadangkan agar penjualan buku sastera Cina dipertingkatkan melalui langkah seperti memperkukuh tenaga pengajar Bahasa Cina, menambah waktu pengajaran Bahasa Cina, serta meningkatkan minat pelajar untuk mempelajari bahasa tersebut. Mereka hampir tersilap anggap “Sastera Cina” sebagai “Pendidikan Cina”.

Kandungan karangan harus menumpukan kepada masalah yang dihadapi oleh sastera Cina di negara kita, iaitu jumlah pembaca yang semakin berkurangan dan jualan yang tidak begitu memberangsangkan. Selain itu, perlu juga dikemukakan cadangan tentang cara untuk mengubah keadaan ini, antaranya: sekolah, ibu bapa dan masyarakat boleh menggalakkan kanak-kanak supaya lebih banyak membaca karya sastera Cina tempatan; guru bahasa Cina yang bersemangat boleh memberi bimbingan dan pengaruh yang mendalam; jabatan bahasa Cina di universiti boleh melahirkan lebih banyak ulasan dan kajian berkaitan; masyarakat Cina patut menggalakkan lebih banyak pihak menaja penerbitan majalah, buku khas, antologi dan lain-lain secara berterusan; para penulis juga seharusnya berusaha untuk meningkatkan mutu penulisan mereka.

Soalan 3

Tugasan soalan ini ialah menulis sebuah prosa yang berelemen naratif dan sentimental (meluahkan perasaan penulis) dengan ayat permulaan esei yang berbunyi **“Saya melihat keputusan peperiksaan di tangan yang dipenuhi dengan tanda merah, hati saya dipenuhi rasa malu dan segan. Namun, saya tiba-tiba mendapat keberanian untuk memberitahu ayah bahawa saya tidak mahu lagi meneruskan aliran sains. Saya ingin bertukar ke aliran sastera dan mengambil jurusan bahasa Cina”**. Prestasi soalan adalah memuaskan. Calon yang memilih tajuk ini perlu menghasilkan cerita yang munasabah atau menceritakan pengalaman dan meluahkan perasaan dengan nilai-nilai positif. Prestasi calon agak memuaskan, walau bagaimanapun ramai calon tidak dapat memaperkan gaya penulisan yang bercirikan sastera. Disarankan agar kesedaran dan kemahiran menulis karangan berbentuk bersifat meluahkan perasaan dalam kalangan calon dipertingkatkan, seperti teknik pengenalan, perkembangan, perubahan dan penutup (struktur karangan), serta kaedah penulisan yang berunsur emosi. Terdapat calon yang menulis dalam bentuk karangan jenis perbincangan (karangan berformat hujahan).

Kandungan karangan hendaklah dimulakan dengan perenggan yang telah diberikan sebagai permulaan, dan seterusnya menumpukan kepada isi yang berkaitan dengan perenggan itu. Misalnya, gambaran tentang perasaan “saya” ketika menerima keputusan peperiksaan seperti rasa serba salah, malu serta timbulnya keberanian; seterusnya perasaan “saya” yang ingin meninggalkan aliran sains untuk menukar ke aliran sastera dan memohon pengajian dalam jurusan bahasa Cina; juga boleh menggambarkan situasi ketika berdepan dengan ibu bapa untuk membincangkan tentang pendapat, pandangan serta pendirian sendiri.

Soalan 4

Tajuk esei ialah **“Perjalanan seribu batu bermula dengan langkah pertama, sila kemukakan pandangan anda terhadap kata-kata ini”**. Calon dikehendaki menghuraikan maksud peribahasa ini dan memberi pendapat mereka sendiri. Prestasi pelajar adalah sederhana, tetapi jumlah calon yang menjawab adalah kurang, hal ini sedemikian kemungkinan kerana mereka tidak dapat menguasai soalan esei yang bersifat falsafah hidup. Sebahagian calon kurang memahami maksud peribahasa “Perjalanan seribu batu bermula dengan langkah pertama” secara tepat dan menyeluruh, ini telah menyebabkan penulisan karangan mereka lebih tertumpu pada bahagian “bermula dengan langkah pertama”, manakala bahagian “perjalanan seribu batu” kurang diberikan penekanan.

Kandungan karangan hendaklah menumpukan kepada pandangan tentang peribahasa “Perjalanan seribu batu bermula dengan langkah pertama” (bermaksud perjalanan jauh sejauh seribu batu pun bermula dengan langkah pertama; kejayaan dalam sesuatu perkara bergantung pada proses peningkatan yang beransur-ansur daripada kecil menjadi besar, daripada sedikit menjadi banyak). Selain itu, boleh juga dikemukakan contoh-contoh yang sesuai untuk menjelaskan maksud tersebut, seperti: proses menimba ilmu dan pembelajaran, mempelajari bahasa asing, menguasai sesuatu kemahiran yang semuanya bermula daripada asas yang mudah sehingga ke tahap yang mendalam; penguasaan aktiviti kokurikulum seperti sukan, tarian, lukisan, seni mempertahankan diri yang juga bermula daripada langkah mudah kepada tahap yang semakin tepat; begitu juga dengan kecekapan dalam pekerjaan yang meningkat daripada perlahan kepada semakin pantas.

BAHAGIAN B: Sejarah Kesusasteraan Moden Cina

Soalan 5

Soalan 5 : Soalan wajib. Soalan terbahagi kepada (a),(b),(c),(d),(e) dan (f). Calon diminta memilih lima soalan ringkas daripada enam soalan ringkas yang dikemukakan. Jawapan yang betul adalah berikuti:

- (a) Revolusi 革命
- (b) (D) iii, iv
- (c) Romantisme 浪漫主义
- (d) Luo Huasheng 落华生
- (e) Tengah Malam 子夜
- (f) Perkahwinan Xiao Erhei 《小二黑结婚》

Prestasi calon terhadap soalan-soalan ringkas adalah tidak memuaskan. Kebanyakan calon tidak dapat jawab, dan banyak soalan ringkas dijawab dengan salah. Jawapan yang diberikan oleh calon mencerminkan bahawa mereka tidak mempunyai pengetahuan asas yang mencukupi terhadap sejarah kesusasteraan moden Cina.

Soalan 6(a)

Kehendak soalan ini adalah menghuraikan secara ringkas isi kandungan dan kepentingan Revolusi Kesusasteraan Semasa Gerakan 4 Mei. Ramai calon tidak dapat menjawab soalan ini dengan baik, kerana mereka tidak dapat menghuraikan keseluruhan situasi Revolusi Kesusasteraan Semasa Gerakan 4 Mei secara menyeluruh. Kandungan jawapan adalah termasuk:

1. Dari segi teori, gerakan ini mula-mula mengkritik konsep lama “*wen yi zai dao*” iaitu “sastera untuk menyampaikan ajaran”, menolak formalisme yang berteraskan pemikiran dan moral feudal, serta sastera yang meniru gaya lama. Ia menggalakkan pandangan sastera realisme yang menekankan ekspresi perasaan dan realiti, menyeru sastera kemanusiaan, sastera rakyat serta sastera yang berjiwa demokrasi.
2. Ia menentang penggunaan bahasa klasik, sebaliknya menganjurkan bahasa vernakular, menekankan kepentingan untuk meningkatkan kedudukan novel dan drama, serta mengusulkan pembebasan besar-besaran dalam bentuk puisi. Dari segi penterjemahan, ia memperkenalkan sejumlah karya sastera asing sebagai rujukan kepada sastera baharu Cina. Dari segi penciptaan, penggunaan bahasa vernakular menggantikan bahasa klasik, memulakan penciptaan puisi baharu dan pembaharuan bentuk novel.

Soalan 6(b)

Tugasan soalan ini adalah “Shen Congwen berjaya membentuk watak Cuicui dan datuknya dengan cemerlang, dan inilah salah satu sebab utama kejayaan luar biasa *Border Town (Biancheng)*. Sila huraikan pendapat anda”. Seseengah calon dapat menjawab dengan memuaskan, kerana calon lebih mengenali jalan cerita, maka mereka dapat menghuraikan watak-watak dengan lebih jelas dan terperinci. Markah yang diperoleh juga lebih tinggi. Kandungan jawapan adalah termasuk:

1. Cui Cui ialah gambaran seni yang dicurahkan oleh pengarang dengan ideal “cinta” dan “keindahan”. Keindahannya terserlah secara beransur-ansur melalui kisah percintaannya.

2. Lelaki tua pengemudi perahu pula ialah penjelmaan “kebaikan”. Dia bersifat sederhana dan jujur, berhati kesatria, pemurah serta penuh keikhlasan dan kebaikan. Kebaikan lelaki tua pengemudi perahu ini terutama ditonjolkan melalui penjagaan dan kasih sayang yang dicurahkan kepada Cui Cui.

Soalan 6(c)

Tugasan soalan ini ialah “Sila analisis kandungan pemikiran dan ciri-ciri seni dalam karya Diari Cik Safi (Riwayat Harian Nona Shafei) oleh Ding Ling.” Soalan ini adalah kurang popular di kalangan calon. Kandungan jawapan adalah termasuk:

1. “Diari Cik Safi” menggambarkan seorang wanita pemberontak yang memikul penderitaan zaman serta luka batin, beliau meluahkan rasa tidak puas hati dan ketidakadilan dengan nada yang penuh kesedihan namun bersemangat. Safi sebagai wanita zaman itu merupakan wakil “wanita yang dibebaskan” dalam arus pemikiran baharu gerakan 4 Mei.
2. Dari sudut seni, Ding Ling mahir menyingkap konflik tragis yang tersembunyi dari dunia dalaman watak, lalu menggambarkan dengan cemerlang ciri rohani serta perubahan emosi Safi. Secara keseluruhan, karya ini ialah sebuah novel realisme psikologi yang cemerlang.

BAHAGIAN C: Pilihan Teks Sastera Cina Moden

Soalan 7

Soalan 7 (soalan wajib) merupakan soalan isi tempat kosong atau pilihan respons yang betul. Calon dikendaki menjawab soalan berdasar teks pilihan bahasa Cina Moden yang telah dipilih mengikut sukatan pelajaran bahasa Cina. Calon dapat menjawab soalan tersebut sekiranya membuat persediaan yang cukup dan dapat menguasai kandungan teks dengan baik. Secara keseluruhan, prestasi calon dalam menjawab soalan teks pilihan bahasa Cina Moden adalah sederhana. Jawapan yang betul adalah berikut:

- (a) Bunga Merah Kecil di Atas Tembok (墙头上的小红花)
- (b) Pertemuan (相遇)
- (c) Keberanian Agung dan Keihsanan Tertinggi (大勇至仁)
- (d) Pakaian Tari (舞衣)
- (e) Kuang Fu Lari dari Rumah (匡复离家出走)

Soalan 8(a)

Calon dikehendak menghuraikan perasaan rindu akan kampung halaman dalam cerpen Perpecahan karya Pan Yutong. Soalan ini menguji keupayaan pelajar untuk menggambarkan secara terperinci perasaan rindu Xu Shenxing terhadap ahli keluarganya. Secara keseluruhannya, calon tidak dapat menceritakan perincian kandungan teks. Kandungan jawapan adalah termasuk:

1. Dalam novel tersebut, Pan Yutong menggunakan keadaan mabuk Xu Shenxing untuk meluahkan rasa nostalgianya serta kerinduan terhadap tanah air.
2. Xu Shenxing menzahirkan perasaan rindu kampung halamannya melalui “syiling perak” sebagai perantara.

Soalan 8(b)

Tugasan soalan ini adalah “Sila bincangkan nasib para lelaki dalam cerpen Yin Xueyan yang Abadi karya Bai Xianyong.” Soalan ini adalah pilihan popular calon, secara keseluruhannya prestasi calon adalah memuaskan kerana mereka dapat mencerita perincian kandungan cerpen. Kandungan jawapan utama adalah termasuk:

1. Dalam karya Bai Xianyong *Yin Xueyan yang Abadi*, semua lelaki yang muncul akhirnya mengubah nasib mereka kerana Yin Xueyan. Yin Xueyan dianggap membawa sial dalam takdirnya, terkena “harimau putih” serta mempunyai nasib yang “keras”; mana-mana lelaki yang ada kaitan dengannya sukar terlepas daripada malapetaka.
2. Contohnya, Wang Guisheng, kerana terlalu tamak dan menggunakan cara yang tidak sah, terlibat dalam korupsi antara pegawai dan peniaga, dan akhirnya dijatuhkan hukuman penjara serta ditembak mati.
3. Dalam novel ini, Bai Xianyong menggunakan gaya penceritaan yang tenang, dan dari sudut pandang Yin Xueyan untuk menyingkap bagaimana ketamakan Wang Guisheng terhadap wang, nafsu seksual Hong Chuzhang, serta pergelutan batin Xu Zhuangtu antara keinginan dan rasional, akhirnya semuanya menemui kegagalan.

Soalan 8 (c)

Dalam soalan ini, calon dikehendaki menganalisis “Apakah ciri-ciri karya catatan perjalanan ‘Bangsa yang Mencintai Gunung’ oleh Zheng Liangshu”. Pada keseluruhan, calon tidak dapat menguasai ciri-ciri catatan perjalanan (游记) yang berkaitan dengan gunung dalam karya ini. Markah yang diperoleh tidak tinggi kerana pelajar gagal menghuraikan dengan lengkap kaitan antara penulisan penulis tentang Gunung Taishan dengan genre catatan perjalanan. Kandungan jawapan adalah termasuk:

1. Tajuk esei ini secara langsung menonjolkan ciri penekanan naratif yang berfokus pada aktiviti mendaki gunung dan penggambaran gunung, dengan keseluruhan teks memberi tumpuan kepada pengalaman mendaki yang ringkas namun padat. Catatan perjalanan ini dengan jelas merakamkan laluan pengarang mendaki Gunung Tai. Beliau memulakan naratifnya dari titik permulaan pendakian di kota Tai’an, dan secara terperinci merekodkan pemandangan utama kota purba Tai’an yang boleh dilawati.
2. Keistimewaan tulisan Zheng Liangshu ini ialah bukan sekadar menulis catatan perjalanan, tetapi turut merumuskan bahawa ciri khas bangsa Cina ialah kecintaan terhadap gunung. Dalam teks dinyatakan bahawa orang Cina mencintai gunung, tetapi takut akan air, sungai dan laut.
3. Pada bahagian awal artikel, pengarang menyebut ayat “Sebagai seorang intelektual, kamu tidak boleh tidak mendaki gunung”, yang sebenarnya mendedahkan ciri catatan perjalanan ini, iaitu penggabungan pengetahuan dan keseronokan, serta kewujudan serentak unsur ilmu dan alam semula jadi.

LAPORAN PEPERIKSAAN **STPM** 2024



**PENERBITAN
PELANGI** SDN. BHD.
(198201009396)

WISMA PELANGI

Lot 8, Jalan P10/10, Kawasan Perusahaan Bangi,
43650 Bandar Baru Bangi, Selangor, Malaysia.

T: +603-8922 3993 E: customerservice@pelangibooks.com



Majlis Peperiksaan Malaysia

Persiaran 1, Bandar Baru Selayang,
68100 Batu Caves, Selangor Darul Ehsan.

Tel: 03-6126 1600 Faks: 03-6136 1488

E-mel: [ppa\[at\]mpm.edu.my](mailto:ppa[at]mpm.edu.my)